

22/06/1998

Anwar ulangi sokongan penuh

KUALA LUMPUR, Ahad - Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim, hari ini sekali lagi menyatakan sokongan penuhnya kepada kepemimpinan Presiden dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, adalah tidak benar bahawa ada perbezaan prinsip di antara beliau dan Dr Mahathir dari segi mengendalikan ekonomi negara.

Menurutnya, segala keputusan dalam apa-apa perundingan, termasuk berhubung soal ekonomi dibuat secara bersama.

"Kalau ada perbezaan pendapat, ketua kita satu, nakhoda kita satu iaitu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan saya dukung pendirian beliau sepenuhnya," katanya ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno, di sini.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Umno harus bersatu dan menghantar mesej yang jelas kepada semua bahawa parti itu berdiri teguh dalam satu saf di belakang pimpinan Dr Mahathir.

Media asing sering memberikan gambaran bahawa wujud jurang perbezaan di antara Dr Mahathir dan Anwar dalam usaha menangani kegawatan ekonomi negara.

"Kita harus menerima bahawa perbezaan pendapat itu boleh, kita bincang, kita ambil keputusan, satu azam, kita ada satu ketua dan kita jalankannya dengan Tawakalallah," katanya dan menambah bahawa ini bukan bermakna beliau tiada kebebasan menyuarakan pendapat.

Menurutnya, ini sesuai dengan amalan sebuah parti yang demokratik dan dengan nada berseloroh berkata: "Kalau mahu satu aliran saja, kena tubuhkan parti tenteralah dan Syed Hamid Albar (Menteri Pertahanan) boleh jadi ketua."

Timbalan Presiden Umno itu turut menceritakan pengalamannya ketika ditanya pemberita asing mengapa beliau tidak mencabar kepemimpinan Dr Mahathir kerana kononnya ada sokongan dalaman yang kuat yang memungkinkan beliau menang.

Anwar berkata: "Saya menjawab, pertama bagi saya Dr Mahathir adalah pemimpin saya. Saya sudah berikrar secara terbuka, saya sokong dan taat setia kepada dia.

"Yang kedua, saya jawab kita perlu satu semangat dan pasukan yang cukup padu dan bersatu, Umno tidak boleh membiarkan ada usaha untuk meretakan perpaduan kita."

Menurutnya, beliau juga ditanya sama ada bersetuju sepenuhnya dengan Dr Mahathir dan jawapan yang diberikan ialah: "Sudah tentu tidak. Saya terima dia sebagai ketua dan dia tidak harap saya setuju 100 peratus dengannya."

Dengan nada berjenaka, Anwar berkata: "Dia naik kuda, saya naik jet ski, dia suka bukit-bukau, saya suka ombak laut."

Anwar juga berkata, tradisi demokratik di negara ini wujud dan pemimpin negara dipilih secara demokratik. Oleh itu, rakyat dan parti yang menentukan pemimpin dan bukannya orang luar.

Mengenai reformasi budaya dan ekonomi, Anwar berkata, ia harus terus berlaku supaya martabat dan harakat umat Melayu akan ditingkatkan.

"Ia juga selari dengan hampir seluruh ucapan Presiden untuk menggalak dan menjurus kepada semua reformasi dan islah," katanya.

Bagaimanapun, Anwar berkata, reformasi akan timbul masalah jika ia ditafsirkan mengikut rentak dan suasana yang berbeza.

Mengenai fitnah, beliau melahirkan penghargaan kepada rakan dalam parti

yang menyokong dan bersimpati terhadapnya selain berjanji akan bertindak untuk menghapuskan gejala itu.

Beliau juga menarik perhatian perwakilan dengan mengungkap dua rangkap pantun yang mengulangi pernyataan kesetiaannya kepada Presiden parti, selain memberi amaran kepada penabur fitnah.

Anak Melaka menjerat merbah
Jerat di pasang di tengah kebun
Setia saya tak pernah berubah
Hanya orang menabur racun
Ada saudagar pergi ke kebun
Singgah ke kedai membeli cili
Baik-baik menabur racun
Salah silap tertelan sendiri

Anwar juga menegur golongan yang menyalahafsirkan kenyataan Presiden parti sebelum perhimpunan bahawa setiap orang mesti bertanggungjawab terhadap apa yang diperkatakan parti dengan menganggapnya sebagai usaha untuk melarang perwakilan berbicara.

"Kita mahu mempertahankan kebebasan mesyuarat dan menghormati tradisi dan budaya dalam Umno," katanya sambil mengungkapkan penjelasan itu menerusi pantun:

Anak teruna mengirim surat
Dari Jawa sampai ke Deli
Hidup di dunia biar beradat
Bahasa tidak dijual beli.

(END)